

RM80 juta bangunkan Digital ID elak penipuan - PM

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperuntukkan RM80 juta kepada agensi penyelidikan dan pembangunan (R&D) Mimos Berhad (Mimos) untuk membangunkan Identiti Digital Nasional atau Digital ID.

Digital ID adalah bentuk pengenalan dan pengesahan diri individu secara digital dengan menggunakan teknologi terkini biometrik seperti cap jari, pengecaman wajah dan iris bagi rakyat menjalankan urusan dalam talian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan itu disegerakan kerana beliau tidak mahu negara ketinggalan dalam pembangunan transformasi digital.

"Kita agak ketinggalan dalam beberapa bidang padahal kita ada keupayaan, ada kemahiran dan kepakaran, jadi ada keperluan segerakan peruntukan. Untuk mempercepatkan proses itu, kita segerakan dan melihat program pelaksanaan itu diawalkan.

"Saya mendapat jaminan bahawa ia dapat disegerakan dalam tempoh tiga bulan dari sekarang dengan syarat kerajaan meluluskan peruntukan untuk membeli *server scan*. Jadi, saya dah minta Kementerian Kewangan dan Kement-



ANWAR Ibrahim ketika mengadakan lawatan ke Mimos Berhad di Bukit Jalil semalam. - UTUSAN/FARTZ RUSADIO

rian Dalam Negeri menyalurkan RM80 juta minggu depan katanya selepas mengadakan lawatan rasmi di Mimos Bhd. di sini semalam.

Menurut beliau, beberapa kelulusan dan peraturan lain akan turut disegerakan sebelum akhir bulan ini.

"Pendaftaran ID Digital harus disegerakan. Minggu depan, semua Kementerian dan jabatan kerajaan, Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah dan ketua

jabatan harus memulakan pendaftaran.

"Kalau mahu peruntukan, subsidi bersasar atau kemudahan lain, sama ada jabatan atau pihak swasta, ia mesti bermula dengan pendaftaran ID Digital. Peruntukan yang besar RM80 juta, ini permulaan sahaja, akan ada peruntukan lain," katanya.

Menurut beliau, pengesahan individu secara digital ini bagi mengelakkan penipuan identiti dalam urusan secara dalam

talian yang boleh merugikan negara.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara, dipertanggungjawabkan untuk menerajui pelaksanaan inisiatif ini kerana data, maklumat dan rekod penduduk berada di bawah jagaan dan bidang kuasanya.

Namun, ia tidak dianggap akan menggantikan MyKad sebagai dokumen pengenalan diri, sebaliknya hanya memperkukuh keselamatan MyKad.